

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NASIONAL

318 jangkitan dikesan di PPS

Semua kes
diberi rawatan
pesakit luar,
tiada aduan babit
kesihatan mental

Oleh Hidayatidayu Razali
bhnews@bh.com.my

Kota Bharu: Kementerian Kesihatan (KKM) mengesan 318 kes jangkitan membabitkan 183 kes berkaitan kulit, 125 kes respiratori akut (ARI), tujuh kes konjunktivitis dan tiga gastroenteritis akut (AGE) dalam kalangan mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata perkara itu dikesan menerusi aktiviti kawalan dan pencegahan penyakit yang dijalankan setiap hari di 103 PPS.

Semua kes adalah stabil dan diberi rawatan sebagai pesakit luar di PPS dan tiada kes kesihatan mental dirujuk kepada kaunselor atau pakar perubatan.

"Terdapat satu wabak konjunktivitis pada 26 Disember lalu di PPS Sekolah Kebangsaan Gual Tinggi, Pasir Mas yang membabitkan lima kes daripada 15 orang yang terdedah.

"Semua kes diberi rawatan, pendidikan kesihatan dan diisolasi di PPS berkenaan oleh pasukan perubatan," katanya da-



Dr Dzulkefly menyantuni mangsa banjir ketika melawat Pusat Pemindahan Sementara di Sekolah Kebangsaan Jeli 1, semalam.
(Foto BERNAMA)

lam kenyataan semalam.

14 dijangkiti COVID-19

Terdapat 14 kes baru COVID-19 dikesan dalam kalangan mangsa banjir di PPS iaitu di Kelantan sembilan kes dan Terengganu (lima kes) melalui saringan bergejala.

Kes COVID-19 adalah sporadik dan majoriti mempunyai gejala ringan dan dirawat di PPS atau di rumah (12 kes), manakala dua kes memerlukan rawatan di hospital.

"KKM telah menggerakkan 66 pasukan perubatan, 67 pasukan

kesihatan dan 99 pasukan Mental Health Psychosocial Support (MHPSS) ke negeri terjejas banjir bagi memberi perkhidmatan kesihatan dan sokongan psikososial kepada 22,835 mangsa banjir di kesemua 103 PPS.

"Sebanyak 51 fasiliti kesihatan terjejas banjir di tiga negeri iaitu Kelantan (23), Terengganu (11) dan Pahang (17). Sebanyak 34 fasiliti kesihatan masih beroperasi seperti biasa, manakala 16 fasiliti kesihatan telah berpindah operasi ke fasiliti alternatif dan satu fasiliti kesihatan tidak dapat beroperasi

kerana terputus hubungan," katanya.

Beliau berkata, KKM menasihati orang ramai agar sentiasa peka dan mengambil serius arahan pihak berkuasa dan mengambil langkah penjagaan kesihatan sendiri bagi mencegah penularan penyakit berjangkit, kemalangan dan kecederaan.

Katanya, KKM akan terus memantau perkembangan banjir di negeri yang terlibat dan memastikan langkah pencegahan serta kawalan penyakit sewajarnya.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : LOKAL

Jeli: Sebanyak 20 kes Covid-19 dikesan membabitkan mangsa banjir yang ditempatkan di pusat pemindahan sementara (PPS) di Kelantan dan Terengganu dari 22 Disember lalu hingga kelmarin, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Beliau berkata, daripada jumlah itu, 15 kes dilaporkan di Kelantan manakala lima kes lagi di Terengganu.

"Kesemua kes Covid-19 yang dilaporkan adalah stabil dan terdiri daripada kategori dua (17 kes), kategori tiga (2 kes) dan kategori

Rekod 20 kes Covid-19 babit mangsa bah

empat (1 kes).

"Kes Covid-19 kategori empat merupakan warga emas dengan komorbid hipertensi tidak terkawal namun pesakit terbahit telah discaj dari Hospital Jeli di Kelantan, kelmarin," katanya selepas melawat mangsa bair di PPS Sekolah Kebangsaan Jeli 1 di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Norhayati Rusli dan Pengarah Jabatan Kesihatan

Negeri (JKNK) Kelantan, Datuk Dr Zaini Hussin.

Mengulas lanjut, Dr Dzulkefly berkata, setakat ini sebanyak 297 pasukan perubatan, 286 pasukan kesihatan, 102 pasukan Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MHPSS) dan 286 pasukan promosi digerakkan ke PPS seluruh negara bagi memberi

perkhidmatan kepada mangsa banjir.

"Sehingga hari ini (semalam), tiada keperluan bantuan mobilisasi

petugas ke negeri yang terlibat banjir, namun kita sentiasa bersedia untuk menggerakkan pasukan mobilisasi ke negeri terjejas banjir sekiranya diperlukan.

"Selain itu, sebanyak 123 Bantuan Awal Psikologi (PFA) turut dijalankan kepada petugas kesihatan bagi mengesan awal masalah kesihatan mental untuk memberi rawatan selanjutnya," katanya.

Beliau berkata, aktiviti kawalan dan pencegahan

penyakit sentiasa dilakukan oleh pasukan kesihatan di PPS seperti pemeriksaan tempat penyediaan makanan, pemantauan kualiti bekalan air, pemusnahan tempat pembiakan nyamuk dan sebagainya bagi mencegah penularan penyakit berjangkit.

Kesemua kes Covid-19 yang dilaporkan adalah stabil dan terdiri daripada kategori dua (17 kes), kategori tiga (2 kes) dan kategori empat (1 kes).



AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NEGARA



DZULKEFLY (kanan) ketika menyantuni remaja orang kelainan upaya yang terjejas banjir di PPS SK Jeli, Jeli semalam. — ROSMIZAN RESDI

102 pasukan beri sokongan kepada mangsa banjir

KKM sedia bantu urus emosi, mental

Oleh ROSMIZAN RESDI

JELI — Kementerian Kesihatan (KKM) menyediakan sebanyak 102 pasukan Perkhidmatan Kesihatan Mental, Sokongan Psikososial Semasa Krisis dan Bencana (MHPSS) bagi membantu dan memberi sokongan berkenaan isu emosi dan mental kepada penduduk yang terjejas banjir.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, pasukan MHPSS berkenaan telah ditempatkan di tujuh buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Johor, Negeri Sembilan dan Sabah.

Menurutnya, secara kumulatif, sebanyak 123 Psychological First Aid (PFA) telah dijalankan oleh petugas KKM bagi mengesan awal masalah kesihatan mental seterusnya memberi rawatan lanjut kepada penduduk.

"KKM telah bersiap sedia untuk menghadapi bencana banjir Monsun Timur Laut. Persediaan itu bukan sahaja melibatkan pemantauan penyakit berjangkit, tetapi turut melihat kesihatan mental mangsa yang terlibat.

"Kesihatan mental yang membabitkan mangsa banjir perlu diberi perhatian khusus dengan menyediakan sokongan psikososial. Justeru, pasukan MHPSS digerakkan ke setiap negeri yang

Bilangan mangsa banjir

- **Kelantan**
 - Bilangan mangsa: 3,506
 - Bilangan keluarga: 1,100
 - Bilangan PPS: 16
- **Pahang**
 - Bilangan mangsa: 34
 - Bilangan keluarga: 11
 - Bilangan PPS: 2
- **Johor**
 - Bilangan mangsa: 54
 - Bilangan keluarga: 14
 - Bilangan PPS: 2
- **Jumlah keseluruhan mangsa banjir: 3,594**
- **Jumlah keseluruhan keluarga: 1,125**
- **Jumlah keseluruhan PPS: 20**

Info Bencana KKM setakat pukul 5 petang semalam

terlibat banjir," katanya pada sidang akhbar selepas melawat Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan (SK) Jeli di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dzulkefly memberitahu, selain MHPSS, pihaknya turut menyediakan pasukan yang terdiri daripada 297 pasukan perubatan selain 286 pasukan kesihatan dan pasukan promosi kesihatan yang digerakkan ke PPS bagi membantu

mangsa banjir.

Katanya, sehingga semalam, tiada keperluan bantuan petugas mobilisasi ke negeri yang terlibat banjir, namun pihaknya sentiasa bersedia untuk menggerakkan sekiranya diperlukan.

"Kita sudah ada pasukan perubatan dan kesihatan di kawasan berhampiran yang dapat digerakkan segera jika diperlukan.

"Setakat ini, kesiapsiagaan KKM berada dalam keadaan yang baik dan sentiasa bersedia membantu mangsa banjir yang terlibat," katanya.

Dalam pada itu katanya, sebanyak 20 kes Covid-19 dikesan di PPS yang menempatkan mangsa banjir di Kelantan dan Terengganu sejak 22 Disember lalu.

Menurutnya, 15 daripada kes itu dikesan di Kelantan, manakala selebihnya di Terengganu.

"Kes Covid-19 itu dikelaskan sebagai sporadik apabila 19 daripadanya mempunyai gejala ringan dan dirawat di PPS, manakala satu kes memerlukan rawatan di hospital.

"Kesemua kes adalah stabil kecuali satu kes melibatkan warga emas dengan komorbid hipertensi tidak terkawal, namun kes berkenaan telah dibenarkan pulang dari Hospital Jeli, Kelantan semalam (kelmarin)," katanya lagi.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : NASIONAL

20 mangsa banjir dijangkiti Covid-19



Info situasi banjir seluruh negara (Ahad, 31 Disember 2023)

KELANTAN
Mangsa: 1,566
PPS: 12

JOHOR
Mangsa: 54
PPS: 2

PAHANG
Mangsa: 34
PPS: 2



JUMLAH:
1,644
(7 petang Ahad)

*SUMBER INFO BENCANA, KKM

Dr Dzulkefly (kanan) bertanya khabar Adam Mamat ketika melawat PPS SK Jeli pada Ahad.

Kes dikesan di PPS di Kelantan dan Terengganu

Oleh ADILA SHARINNI WAHID
JELI

Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan 20 kes jangkitan Covid-19 dalam kalangan mangsa banjir di pusat pemindahan sementara (PPS) di Kelantan dan Terengganu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, kes direkodkan dalam tempoh Monsun Timur Laut (MTL) ber-

mula pada 22 November sehingga 30 Disember lalu.

"Daripada keseluruhan 20 kes itu, sebanyak 15 kes dikesan di Kelantan manakala lima kes lagi di Terengganu.

"Kesemua kes Covid-19 tersebut stabil dan terdiri daripada kategori dua sebanyak 17 kes, kategori tiga ada dua kes dan kategori empat pula satu kes," katanya pada sidang akhbar ketika melawat PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Jeli di sini sempena Lawatan Kerja Rasmi ke Kelantan pada Ahad.

Turut serta, Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam), Datuk Dr Norhayati Rusli.

Dr Dzulkefly berkata, kes Covid-19 kategori empat itu melibatkan warga emas dengan komorbid hipertensi tidak ter-

kawal dan pesakit dimasukkan ke wad di Hospital Jeli namun sudah dibenarkan pulang pada Sabtu.

Ujar beliau, kesemua kes Covid-19 di PPS sudah sembuh, bagaimanapun KKM sentiasa memantau trend jangkitan dalam kalangan mangsa banjir dan melaksanakan aktiviti kawalan di pusat itu bagi mencegah penularan.

"Aktiviti saringan bergejala Covid-19 dalam kalangan penghuni PPS dilaksanakan oleh pasukan perubatan.

"Mangsa yang disahkan positif Covid-19 akan segera diasingkan daripada mangsa lain sehingga tamat tempoh isolasi sama ada di hospital, PPS atau di rumah mengikut tahap jangkitan," katanya.

102 pasukan MPHSS bantu mangsa banjir terkesan emosi, mental

JELI - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menggerakkan 102 pasukan Inisiatif Perkhidmatan Kesihatan Mental dan Sokongan Psikososial (MPHSS) bagi membantu mangsa banjir yang terkesan dari segi emosi dan mental akibat Monsun Timur Laut (MTL) tahun ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, pasukan-pasukan itu ditempatkan di tujuh negeri yang terlibat banjir iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor, Johor, Sabah dan Negeri Sembilan.

Katanya, Rantau Panjang dan Pasir Mas antara daerah yang diberi tumpuan utama kerana merupakan lokasi paling terjejas akibat banjir kali ini.

"KKM bukan hanya menumpukan saringan kesihatan biasa tetapi turut

menjalankan pengesanan tahap emosi dan mental mangsa banjir.

"Pengesanan awal dibuat supaya rawatan lanjut dapat diberikan," katanya pada sidang akhbar sempena Lawatan Kerja Rasmi ke Kelantan di PPS Sekolah Kebangsaan (SK) Jeli di sini pada Ahad.

Menurutnya, selain mangsa banjir, petugas-petugas KKM juga diberikan perkhidmatan sokongan yang sama dan setakat ini sebanyak 123 pertolongan cemas psikologi (PFA) dijalankan kepada mereka.

Katanya, selain pasukan MPHSS, sebanyak 297 pasukan perubatan di bawah KKM bertugas ketika banjir, selain pasukan kesihatan (286) dan pasukan promosi kesihatan (286).

"KKM menyediakan kaunter saringan

kesihatan di semua PPS bagi menyaring gejala penyakit berjangkit seperti demam, batuk, selesema, cirit-birit, muntah dan sakit perut.

"Mangsa bergejala akan dirawat dan diasingkan daripada mangsa lain di bilik isolasi PPS manakala mereka yang bergejala teruk akan dirujuk ke hospital untuk rawatan lanjut," ujar beliau.

Selain itu, kata Dr Dzulkefly berkata, aktiviti kawalan dan pencegahan penyakit sentiasa dilakukan oleh pasukan kesihatan di PPS.

"Tindakan dilakukan seperti pemeriksaan tempat penyediaan makanan, pemantauan kualiti bekalan air dan pemusnahan tempat pembiakan nyamuk bagi mencegah penularan penyakit berjangkit," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : DALAM NEGERI

Banjir: 20 kes Covid-19 di PPS

JELI: Sebanyak 20 kes jangkitan Covid-19 di pusat pemindahan sementara (PPS) di Kelantan dan Terengganu dikelaskan sebagai kes sporadik yang bergejala ringan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, setakat ini, sebanyak 20 kes jangkitan Covid-19 berlaku di PPS dengan 15 kes di Kelantan dan selebihnya di Terengganu.

Menurutnya, jangkitan bagi Covid-19 itu dikelaskan sebagai sporadik dengan 19 daripadanya mempunyai gejala ringan dan dirawat di PPS manakala satu kes memerlukan rawatan di hospital.

"Jumlah kes Covid-19 yang dikesan ini berlaku dalam tempoh Monsun Timur Laut dengan rekod bermula 22 Disember sehingga semalam.

"Semua kes yang dilaporkan adalah stabil kecuali satu kes melibatkan warga emas dengan komorbid hipertensi tidak terkawal," ujarnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

Risiko dapat kanser dijangka naik dua kali ganda

Oleh AHMAD
FADHULLAH ADNAN
utusannews@medianula.com.my

PETALING JAYA: Risiko rakyat Malaysia mendapat kanser dijangka bertambah dua kali ganda dalam tempoh 10 tahun akan datang berbanding ketika ini sekali gus berkemungkinan menyaksikan peningkatan drastik kes kanser dalam tempoh tersebut.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Persatuan Pengurusan Kanser Malaysia (CancerCare), Amin Ali Sidik berkata, unjuran itu adalah berdasarkan kajian yang sedang dijalankan berkaitan pelbagai faktor risiko yang rakyat Malaysia terdedah.

Menurut Amin Ali, antaranya pencemaran termasuk pencemaran makanan, gaya hidup yang tidak sihat dan pencemaran alam sekitar.

"Setiap satu elemen merisikokan pencemaran dan pencemaran tersebut merisikokan rakyat Malaysia mendapat kanser.

"Jadi perlu siap saga untuk berdepan dengan satu keadaan peningkatan pesakit kanser secara drastik dalam tempoh masa 10 tahun," katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan, seramai 237,553 yang direkodkan dari 2012 hingga 2022 dengan sejumlah 127,252 kematian dalam tempoh sama.

Kadar kematian kasar dalam tempoh tersebut menunjukkan peningkatan sebanyak 56.5 per-



KEMENTERIAN Kesihatan setakat ini telah membelanjakan RM1.34 bilion untuk rawatan penyakit kanser.

atus iaitu dari 31.3 kematian bagi setiap 100,000 penduduk pada 2012 kepada 49.0 kematian bagi setiap 100,000 penduduk pada 2021.

Susulan pertambahan pesakit kanser, Kementerian Kesihatan dilaporkan merekodkan sebanyak RM1.34 bilion dibelanjakan untuk rawatan penyakit itu.

Perbelanjaan itu mewakili 13.89 peratus daripada RM9.65 bilion yang dibelanjakan Kementerian Kesihatan bagi menangani penyakit tidak berjangkit (NCD).

Pada masa sama, Amin Ali berkata, Malaysia bagaimanapun berada di landasan tepat dalam meningkatkan keperluan pakar kanser dalam tempoh 10 tahun

itu.

"Sebab Kementerian Kesihatan sentiasa peka dengan perkembangan isu-isu melibatkan kesihatan terutamanya dalam pesakit kritikal seperti kanser.

"Kerajaan sentiasa bertindak ikut situasi semasa dan keperluan semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab menangani pesakit kritikal dengan penuh keprihatinan," katanya.

Ketika ini, beliau berpandangan, negara masih mempunyai pakar-pakar yang mencukupi untuk memberikan rawatan biarpun pesakit kanser semakin meningkat.

Katanya, ini kerana rawatan kanser itu melibatkan tiga pega-

wai perubatan daripada bidang berbeza dan bukan pakar onkologi semata-mata.

"Rawatan kanser dibahagikan kepada tiga kategori. Pertama, bila mana berbilang berkenaan tumor, jadi tumor itu dirawat atau dibedah oleh pakar bedah.

"Kategori kedua dipindahkan ke pakar onkologi dan tugas mereka ialah untuk merawat kanser itu dengan penggunaan ubat ubatan sama ada kemoterapi atau terapi-terapi yang melibatkan perubatan.

"Peringkat tiga adalah rawatan menggunakan radioterapi yang menggunakan kuasa radioaktif yang tinggi, jadi ini dikawal selia pakar radioterapi," katanya.

Tambah kuota doktor kontrak pakar kanser

PETALING JAYA: Kerajaan perlu membuka lebih banyak peluang kepada pegawai perubatan khususnya dalam kalangan kontrak bagi mengisi slot latihan kepakaran terutamanya dalam bidang onkologi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, jurucakap Hartal Doktor Kontrak (HDK) berkata, slot latihan kepakaran tersebut perlu dibuka lebih banyak berbanding kuota yang sedia ada kini.

Menurutnya, ini kerana kuota latihan kepakaran onkologi sedia ada agak terhad berdasarkan beberapa faktor seperti bilangan hospital pengajar kepakaran onkologi yang terhad.

"Hartal mengambil maklum dengan perkembangan terbaru berkenaan situasi itu dan turut mengakui Malaysia bakal berha-



Pihak Hartal yakin ramai dalam kalangan doktor kontrak sendiri bersedia untuk merebut peluang tersebut."

JURUCAKAP HDK

dapan dengan krisis perawatan kes kanser dalam masa beberapa tahun selanjutnya angka yang diunjurkan tidak dapat memenuhi keperluan masyarakat.

"Dengan kadar saringan kes kanser yang lebih kehadapan kini, dianggarkan bilangan kes pesakit kanser juga akan meningkat. Proses latihan kepakaran juga mengambil masa yang lama bagi mengejar angka-angka statistik tersebut.

"Pihak Hartal yakin sekiranya lebih banyak peluang dibuka, ramai dalam kalangan doktor kontrak sendiri bersedia untuk merebut peluang tersebut," katanya ketika dihubungi semalam.

Semalam, akhbar ini melaporkan, Malaysia memerlukan lebih ramai pakar kanser atau onkologi berikutan peningkatan lebih 50 peratus pesakit serta kadar kematian akibat penyakit itu dalam tempoh 10 tahun iaitu 2012 hingga 2022.

Daripada 80 pakar onkologi

yang berkhidmat pada 2015, bilangan itu hanya meningkat kepada sekitar 130 orang pada tahun ini sedangkan Malaysia memerlukan sekurang-kurangnya 300 pakar onkologi berdasarkan kepada kes-kes kanser yang diterima.

Menerusi data Persatuan Onkologi Malaysia pula, negara hanya mempunyai 54 buah hospital yang mempunyai pusat kanser serta cuma ada sebuah klinik onkologi namun tiada pusat kanser di Perlis dan Terengganu, manakala di Kedah, Kelantan, Pahang dan Negeri Sembilan mempunyai sebuah pusat kanser.

Mengulas lanjut, jurucakap HDK berkata, kerajaan juga boleh mempertimbangkan peluang doktor untuk melanjutkan latihan kepakaran-onkologi di luar negara sebagai alternatif.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : FORUM



PENTING untuk kita menyedari bahaya obesiti dan mengambil langkah-langkah bagi mengurangkan berat badan. - GAMBAR HIASAN/AFP

Isytihar obesiti sebagai penyakit kronik

SAUDARA PENGARANG,

RAMAI rakyat Malaysia tidak menganggap obesiti atau kegemukan yang disebabkan terdapatnya lemak berlebihan sebagai penyakit meskipun Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengklasifikasikannya sebagai penyakit kronik dan epidemik.

Obesiti adalah salah satu daripada cabaran kesihatan awam terbesar di Malaysia. Ia mencatatkan kadar prevalen (tersebar luas) tertinggi dalam kalangan orang dewasa di Asia Tenggara.

Kira-kira 50.1 peratus dalam kalangan rakyat negara ini mempunyai masalah berat badan berlebihan dan obesiti sekali gus kekal sebagai masalah utama kesihatan awam.

Menurut laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019, jumlah populasi dewasa di Malaysia mengalami berat badan berlebihan adalah 30.4 peratus dan obes sebanyak 19.7 peratus.

Obesiti merupakan titik mula kepada segala jenis penyakit berbahaya. Apabila individu itu disahkan obes, maka lebih mudah untuk menghidap segala jenis penyakit kronik lain seperti diabetes, darah tinggi, barah dan banyak lagi.

Obesiti bukan sahaja memudaratkan kesihatan individu dan komuniti, malah mengakibatkan implikasi lebih besar kepada sistem kesihatan serta ekonomi.

Individu yang mengalami obesiti cenderung mempunyai kandungan lemak tinggi dalam darah yang boleh menyebabkan penumpukan plak pada dinding arteri. Ini boleh menyebabkan saluran arteri menjadi sempit dan akhirnya menyumbang kepada penyakit jantung dan tekanan darah tinggi.

Obesiti juga berkait rapat dengan risiko diabetes iaitu penyakit kronik

disebabkan kadar gula dalam darah yang tinggi atau ketidakmampuan tubuh untuk menggunakan insulin dengan efektif. Ini boleh menyebabkan peningkatan gula dalam darah dan akhirnya menyebabkan diabetes jenis dua.

Di samping itu, individu yang mengalami obesiti lebih cenderung menghidap kanser payudara, rahim, prostat dan usus besar.

Beberapa faktor seperti perubahan hormon dan inflamasi yang berkait dengan obesiti mungkin memainkan peranan dalam perkembangan kanser prostat.

Lebihan lemak dalam badan boleh menyebabkan perubahan dalam faktor-faktor seperti insulin dan hormon pertumbuhan, yang kemudian dapat merangsang pertumbuhan sel-sel kanser.

Dari sudut lain, obesiti boleh memberi kesan terhadap kesejahteraan mental. Individu yang mengalami kegemukan mungkin menghadapi diskriminasi sosial, tekanan psikososial dan kekurangan keyakinan diri.

Masyarakat sering kali mempunyai persepsi negatif terhadap orang gemuk. Ini boleh menyebabkan masalah kesihatan mental seperti kemurungan. Keadaan sosial yang merendahkan orang lain atau diri sendiri boleh menyebabkan tekanan psikososial tinggi.

Individu mengalami obesiti mungkin mengalami tekanan untuk memenuhi standard kecantikan yang sering kali ditentukan oleh masyarakat. Oleh itu, penting untuk menyedari bahaya obesiti dan mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan berat badan.

MUHAMMAD AMER ZHARFAN
Nilai, Negeri Sembilan

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NEWS / NATION



Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (right) talking to flood victims at the relief centre at SK Jeli 1 in Kelantan yesterday. BERNAMA PIC

20 Covid cases logged in relief centres

JELI: Twenty Covid-19 cases were detected among flood evacuees at relief centres in Kelantan and Terengganu from Dec 22 to Saturday, said Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

He said that of the total, 15 cases were in Kelantan and five were in Terengganu.

"All the cases are in stable condition, with 17 falling into Category Two, two cases in Category Three, and a case in Category Four.

"The Category Four case involved a senior citizen with hypertension.

"However the patient was discharged from Jeli Hospital yesterday (Saturday)," he said after visiting flood evacuees at SK Jeli 1 here yesterday.

Present were Health deputy director-general (Public Health) Datuk Dr Norhayati Rusli and Kelantan Health Department director Datuk Dr Zaini Hussin.

Dr Dzulkefly said 297 medical teams, 286 health teams, 102 mental health and psychosocial support services teams, and 286 health literacy promotional teams had been deployed to relief centres in flood-affected states.

"We are ready to despatch more teams there should the need arise."

He said 123 psychological first aid (assessments) had been conducted to identify mental health problems and provide treatment.

He said the health team conducted disease-control and prevention activities, such as inspecting food preparation equipment and the quality of drinking water, as well as eradicating mosquito breeding grounds to prevent the spread of infectious diseases. **Bernama**

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NATION

10 Nation

THE STAR, MONDAY 1 JANUARY 2024

20 Covid-19 cases detected among flood evacuees

JELI: Twenty Covid-19 cases have been detected among flood evacuees at the relief centres in Kelantan and Terengganu in the past 10 days.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said between Dec 22 and 30, 15 cases were reported in Kelantan and five in Terengganu.

"All the reported cases are in stable condition, with 17 cases

falling into Category Two, two cases in Category Three, and one case in Category Four.

"The Category Four involved a senior citizen with uncontrolled hypertension," he said, adding however that the patient was discharged from Jeli Hospital on Saturday.

He was speaking to reporters after visiting flood evacuees at a relief centre in Sekolah Kebang-

saan Jeli 1 yesterday.

Also present were Health deputy director-general (Public Health) Datuk Dr Norhayati Rusli and Kelantan state Health Department director Datuk Dr Zaini Hussin.

Dzulkefly said so far, a total of 297 medical teams, 286 health teams, 102 Mental Health and Psychosocial Support Services (MHPSS) teams, and 286 health

literacy promotional teams had been deployed to relief centres in the states affected by floods.

"There is currently no need to mobilise additional personnel to the flood-affected states but we are always ready to dispatch teams should the need arise."

"In addition, a total of 123 Psychological First Aid (PFA) have also been conducted for the early detection of mental health prob-

lems to provide further treatment," he said.

The health team at the relief centres, said Dzulkefly, always conducted disease control and prevention activities, such as inspecting food preparation equipment and the quality of drinking water, as well as eradicating mosquito breeding grounds to prevent the spread of infectious diseases.

Welfare homes limit visitors

Rising Covid-19 infections prompt facilities to take precautionary steps

By VENESA DEVI
venesa@thestar.com.my

JOHOR BARU: The rising number of Covid-19 cases has prompted old folk and charity homes here to take precautionary steps to protect their residents against the disease.

Johor Baru Handicapped and Mentally Disabled Children Association president S. Murugaiyah said the home, which houses some 300 residents, has recently limit the number of visitors.

"We encourage visitors not to come for the time being as it may put the lives of our residents at risk, as there are children as young as 10 and senior citizens in their 70s here.

"If the public want to give donations, they can pass them at the gate. We want to limit contact between outsiders and our residents as much as possible for now," he said.

Murugaiyah added that two residents from the home had recently been infected with Covid-19.

"They were believed to have gotten the disease during their visit to the hospital and were quarantined for about a week.

"Thankfully, they only experienced mild symptoms and have since recovered," he said.

Pandan Old Folk Home supervisor Lee Chuang Swee said they have told visitors, including those donating goods, to come in

smaller groups.

"For now, we are not restricting visitors from coming as the situation is not as severe as during the early days of the pandemic. All of our residents have also been vaccinated.

"However, we have advised visitors not to come in big groups and to put on their face masks at all times when they are here.

"On top of that, residents who went back home to visit their families have also been reminded to take extra precautions and to alert us of any Covid-19 infections around them during their visit," he said.

He said that so far, all of the 17 residents who are in their 60s and 80s are in good health.



Murugaiyah: "We encourage visitors not to come for the time being as it may put the lives of our residents at risk."



Lee: "We have advised visitors not to come in big groups and to put on their face masks at all times when they are here."